

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9/7/2011

Dataran perakam sejarah

DUA tokoh yang turut melakarkan nama dalam pentetap pengisytiharan kemerdekaan negara, Tan Sri Aziz Tapa, 88, dan Datuk Borhan Md. Yaman, 82, tidak dapat menahan air mata saat mengenang kembali detik-detik penting itu.

Kedua-duanya dibawa oleh S2 baru-baru ini untuk melawat semula Dataran Pahlawan atau dahulunya dikenali Padang Banda Hilir, Melaka.

Di situlah lokasinya pada 20 Februari 1956, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengumumkan bahawa Tanah Melayu akan bebas daripada cengkaman penjajah British dan pengisytiharan tarikh kemerdekaan negara.

Aziz dan Borhan adalah antara yang terlibat membuat persiapan menyambut kepulangan Rombongan Merdeka dari London. Mereka turut sama memastikan detik bersejarah pengumuman hasil rundingan menuntut kemerdekaan daripada British itu berjalan lancar.

Kini, masing-masing semakin dimamah usia dengan Aziz terpaksa dibawa menaiki kerusi roda manakala Borhan berjalan menggunakan tongkat.

Selama ini, sebagai penduduk asal Melaka, sememangnya mereka sering melalui kawasan dataran itu di Jalan Parameswara.

Namun, kunjungan kali ini yang secara khusus untuk mengimbau semula kenangan 55 tahun lalu itu membawa bersama semangat berkobar-kobar, perasaan bercampur baur dan kerinduan terhadap nostalgia lampau itu.

Ternyata masing-masing begitu terharu sehingga menitikiskan air mata apabila melihat kawasan sekeliling Dataran Pahlawan yang kini telah berubah wajah.

Bagaimanapun, daya ingatan mereka masih kuat dan berupaya mengimbas setiap detik yang berlaku pada hari berkenaan.

"Dulu lain, sekarang lain," ujar Aziz sebaik beliau menjejakkan



IMBAU
DUA tokoh, Aziz Tapa (berkerusi roda) dan Borhan Md. Yaman yang terlibat dalam perhimpunan menyambut Rombongan Merdeka di Padang Banda Hilir, Melaka pada 20 Februari 1956, meninjau semula padang itu yang kini berubah wajah setelah dimajukan dan dikenali sebagai Dataran Pahlawan, baru-baru ini.

kaki di Dataran Pahlawan.

"Saya masih ingat, di sinilah pentas utama didirikan untuk Tunku membuat pengisytiharan," kata Borhan pula, sambil menunjuk ke arah sebatang pokok berhampiran dataran itu.

Di Padang Banda Hilir tercatat sebagai salah satu tempat bersejarah negara. Di situlah tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu diumumkan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman yang juga Ketua Menteri Persekutuan dan Setiausaha Agung UMNO pada 20 Februari 1956.

Pengumuman itu dibuat sekembalinya Rombongan Merdeka dari London, yang mana satu perjanjian kemerdekaan Tanah Melayu telah ditandatangani pada 8 Februari 1956. Dan, tarikh rasmi kemerdekaan ialah pada 31 Ogos 1957.

Serentak itu, pekikan *merdeka!*, *merdeka!* bergema di Padang Banda Hilir yang dibanjiri lebih 100,000 orang rakyat dari seluruh pelusuk tanah air.

Itu kisah 55 tahun lalu tetapi kini Padang Banda Hilir hanya tinggal nama besar yang akan terus

terpahat dalam lipatan sejarah.

Ia telah berubah wajah apabila kerajaan negeri membangunkan kawasan tersebut sebagai Dataran Pahlawan, dengan mengikut konsep seperti Dataran Merdeka di Kuala Lumpur.

Pada 2001, projek bernilai RM35 juta itu telah dimulakan, namun pembinaan yang sepatutnya siap dalam tempoh tiga tahun itu terbengkalai.

Ia menyebabkan ramai yang tersentuh hati dan perasaan apabila melihat tercemarnya Padang Banda Hilir, yang dulunya tapak

Selama ini, sebagai penduduk asal Melaka, sememangnya mereka sering melalui kawasan dataran itu di Jalan Parameswara

perhimpunan raksasa simbol keraian rakyat menandakan berakhirnya penjajahan British di Tanah Melayu.

Namun, Ketua Menteri sekarang, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam kemudian mengumumkan projek pembinaan Dataran Pahlawan disambung semula selepas diambil alih oleh Melaka Straits Sdn. Bhd., iaitu usaha sama antara syarikat tempatan dengan syarikat Singapura.

Ia kembali melegakan hati rakyat yang tertanti-nanti untuk melihat kehebatan Dataran Pahlawan sebagaimana hebatnya Dataran Merdeka di Kuala Lumpur.

Permukaan bumi dataran itu menempatkan plaza monumen, taman bunga, air pancut berirama dan padang bola sepak. Di bawah tanah pula dibangunkan tempat letak kereta, pusat beli-belah, restoran, medan selera, pawagam, pusat hiburan, arked jualan dan pusat-pusat rekreasi.

Bagi mengenang peristiwa bersejarah itu, Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan diwujudkan bertujuan memperlihatkan perjuangan serta pengorbanan para pemimpin dan rakyat generasi lampau membebaskan bangsa dan negara daripada cengkaman penjajah.

Memorial itu dibina pada tahun 1911 yang dulunya dikenali sebagai Kelab Melaka (Malacca Club). Ia terletak di hadapan Padang Banda Hilir yang kini dibangunkan sebagai Dataran Pahlawan.

Dengan itu, Dataran Pahlawan bukan lagi sekadar terpahat dalam lipatan sejarah tetapi ditambah nilai menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara.